

## Fadhilat dan Hikmah Solat Berjamaah

" Dan apabila engkau ( Muhammad ) berada di kalangan mereka ( semasa perang ), lalu engkau mendirikan solat dengan ( menjadi imam ) mereka, maka hendaklah sepuak daripada mereka berdiri ( mendirikan solat ) bersama-samamu. Dan hendaklah mereka memegang senjata mereka. Maka tatkala mereka sujud, hendaklah mereka berada di belakang kamu, dan datanglah satu kumpulan lain yang belum solat, lalu hendaklah mereka solat bersamamu.. " ( An-Nisa : 102 )

### Huraian

Ayat ini menerangkan solat dalam keadaan perang. Para ulama menyebutkan bahawa, sekiranya dalam keadaan yang gawatpun diserukan solat berjamaah, apatah lagi dalam keadaan aman, sudah tentu lebih utama solat berjamaah dari solat sendirian.

Al-Bukhari & Muslim meriwayatkan hadith dari Abu Hurairah ra :

"..Kemudian hari ini ( Jumaat ) adalah hari yang ditetapkan kepada mereka ( Yahudi dan Nasrani untuk mendekatkan diri kepada Allah ), tetapi mereka tidak mahu menerima, lalu Allah memberi petunjuk kepada kita ( agar menerima hari tersebut ). Hari bagi Yahudi ialah esok ( Sabtu ) dan bagi Nasrani pada hari lusa ( Ahad ).

Solat Jumaat difardhukan di Makkah sejurus sebelum Nabi berhijrah tetapi tidak dapat dilaksanakan di Makkah disebabkan ketidakmampuan umat Islam berhimpun bagi mendirikannya.

Orang pertama yang menghimpunkan orang ramai bagi mendirikan Jumaat di Madinah sebelum Nabi berhijrah ialah As'ad bin Zurarah sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Daud.

### Hikmah disyariatkan

Jumaat menjadi pertemuan mingguan umat Islam dalam sebuah kampung atau penempatan pada satu tempat iaitu di masjid.

Umat Islam bertemu untuk nasihat menasihati, menambahkan perpaduan dan tanggungjawab. Menambah rasa kasih sayang dan berkenal-kenalan. Juga menjadikan umat Islam peka dengan peristiwa semasa yang berlaku setiap minggu.

Hubungan mereka dengan pemimpin yang sepatutnya bertindak menjadi khatib dan pemberi nasihat kepada mereka dapat diperkuatkan.

Solat Jumaat merupakan muktamar mingguan; pada hari tersebut umat Islam bertemu dalam saf di belakang pemimpin yang menjadi Imam dan Khatib mereka.

Oleh itu, renunglah bagi maksud sabda Nabi saw bagi orang yang memandang ringan terhadap kepentingan solat Jumaat :

**"Sesiapa yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak 3 kali disebabkan memandang ringan terhadapnya, maka Allah memeterikan hatinya.**

Dipetik dari Kitab Fikah Mazhab Syafie Juz 1. Tulisan Dr Mustofa Al-Khin, Dr Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji